

**Keutamaan Bercucuk Tanam  
dan Kedaulatan Makanan: Analisis  
terhadap kitab *al-Barakah fī Fadl al-  
Sa'y wa al-Harakah* karangan Shaykh  
Muhammad Al-Hubayshī**

**The Importance of Agriculture and Its Role  
in Food Sovereignty: An Analysis of the Book  
of *al-Barakah fī Fadl al-Sa'y wa al-Harakah*  
by Shaykh Muhammad Al-Hubayshī**

Rizky Febrian\*

rizky.feb318@gmail.com

Sarif Hidayatullah◊

sarifhidayat1996@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol16no1.6>

**Abstract**

The main purpose of this article is to show some important aspects of agriculture as an obligation towards society (*fard al-kifayah*) with regard to food sovereignty as understood from the book *al-Barakah fī Fadl al-Sa'y wa al-Harakah* written by Sheikh Muhammad al-Hubayshī (d. 782 H). It begins with a discussion of the background of the study,

- 
- \* Seorang Penyelidik di Institut Jawharuna, Indonesia. Pada masa ini, penyelidik sedang mengikuti pengajian pasca kedoktoran di Universiti Tehran, Iran dalam bidang Kesusasteraan Parsi.
  - ◊ Fellow Penyelidik di sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai Akademi Halaqah Muamalah, Selangor, Malaysia. Beliau menyumbang dalam mengumpul data dan menterjemah bahagian tertentu dalam teks Arab.

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

the author, and the work itself. This article also explains the importance of agricultural work and the encouragement to cultivate based on the Quran and prophetic tradition. In addition, this article also presents some valuable lessons from the book regarding the nature of work, farming, and worldly wealth.

### **Keywords**

Farming, food, food sovereignty, *fard al-kifayah*, work, independence.

### **Abstrak**

Tujuan utama artikel ini adalah untuk menunjukkan beberapa aspek penting dalam pertanian sebagai satu usaha fardu kifayah ke arah kedaulatan makanan seperti yang difahami daripada kitab *al-Barakah fi Fadl al-Sa'y wa al-Harakah* yang ditulis oleh Syeikh Muhammad al-Hubayshi (w. 782 H). Artikel ini bermula dengan perbincangan latar belakang kajian, pengarang dan karya itu sendiri. Artikel ini juga menghuraikan kepentingan kerja-kerja pertanian dan seruan untuk bercucuk tanam berdasarkan al-Quran dan sunah kenabian. Di samping itu, artikel ini turut membentangkan beberapa pengajaran berharga daripada kitab berkenaan hakikat pekerjaan, bercucuk tanam dan harta dunia.

### **Kata Kunci**

Bercucuk tanam, makanan, kedaulatan makanan, fardu kifayah, bekerja, berdikari

### **Pendahuluan**


Makanan merupakan salah satu sumber utama untuk kelangsungan hidup manusia. Peningkatan penduduk negara saban tahun telah memberikan kesan terhadap permintaan pelbagai jenis keperluan makanan. Namun, sumber makanan yang terhad dan kehendak manusia yang tidak terbatas menyebabkan kesukaran dalam mencukupkan keperluan asas makanan sekiranya tidak diurus tadbir dengan baik. Berdasarkan

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

*Self Sufficiency Ratio (SSR)*, Malaysia antara negara yang masih banyak bergantung kepada negara luar untuk mencukupkan bekalan keperluan makanan asas, termasuklah beras, sayuran, buah-buahan, daging lembu, daging kambing dan lain-lain.

Rajah 1 menunjukkan *Self Sufficiency Ratio (SSR)* di Malaysia hingga tahun 2021. Laporan ini dikeluarkan pada 12 September 2022, oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).<sup>1</sup>

Rajah 1: *Self Sufficiency Ratio (SSR)* di Malaysia



Sumber: *Supply and Utilization Accounts Selected Agricultural Commodities, Malaysia 2017-2021*. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

1. *Supply and Utilization Accounts Selected Agricultural Commodities, Malaysia 2017–2021*. Laporan Rasmi Kerajaan. Dikeluarkan pada 12 September 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

Oleh itu, sistem rangkaian dan proses untuk menyediakan makanan tidak boleh dipandang remeh dan perlu diperkuuh. Hal yang demikian ini adalah kerana keterjaminan makanan (*food security*) amat berkait rapat dengan kedaulatan makanan (*food sovereignty*). Keterjaminan makanan ialah ukuran ketersediaan dan keupayaan mendapatkan makanan yang diperlukan oleh masyarakat. Sementara kedaulatan makanan pula merupakan satu dasar yang diwujudkan berkaitan dengan jaminan bekalan makanan dalam negara. Kedaulatan makanan merujuk kepada keupayaan negara menghasilkan makanan sendiri dan mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan makanan import daripada pihak luar. Perkara ini selaras dengan apa yang telah diusahakan dan dirancang oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) Malaysia, bagi menjamin ketersediaan bekalan makanan yang cukup, sihat, selamat dan berkhasiat.<sup>2</sup>

Rajah 2 menunjukkan terma rujukan Kluster Ketersediaan (KTS) yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan diselaraskan oleh Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN).<sup>3</sup>

Rajah 2: Terma Rujukan Kluster Ketersediaan (KTS)



Sumber: <https://www.mafs.gov.my/ketersediaan>

- 
2. <https://www.mafs.gov.my/ketersediaan>. Dicapai pada 16 Mac 2023.
  3. Ibid.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

Untuk mewujudkan beberapa perkara yang sedang dirancang, pelbagai pihak yang terlibat perlu memperkasakan dan mengutamakan sektor pertanian, agar krisis makanan di dalam negara dapat dielakkan, serta sebagai usaha ke arah perancangan yang rapi dalam menghadapi situasi dunia yang tidak menentu kebelakangan ini. Jika gagal dalam merancang perkara tersebut, maka dengan sendirinya kita telah merancang kegagalan kita dalam ketersediaan dan kebolehcapaian ekosistem rangkaian makanan yang lebih kukuh. Oleh sebab itu, kita perlu bersedia untuk menanggung segala masalah yang pasti akan timbul kemudian, seperti kenaikan harga barang secara tidak berpatutan, ketidakstabilan bekalan dan kelaparan. Dari aspek sosial, golongan yang paling terjejas kerana kegagalan tersebut sudah tentu ialah golongan miskin dan yang berpendapatan rendah.

Dalam Islam, sektor pertanian merupakan salah satu bidang yang sangat dimuliakan. Hal yang demikian ini adalah kerana pertanian itu merupakan satu usaha memakmurkan tanah dan hasilnya dinikmati oleh sekalian makhluk yang berhampiran dengannya. Bahkan, kegiatan bercucuk tanam diiktiraf sebagai pekerjaan fardu kifayah yang paling utama. Banyak sumber teks agama yang menggalakkan usaha bercucuk tanam, memanfaatkan tanah yang terbiar, serta menjana pendapatan melaluinya. Berkenaan perkara ini, perbahasan yang cukup lengkap dan menyeluruh perihal keutamaan bercucuk tanam telah dihuraikan dalam kitab *al-Barakah fi Faḍl al-Say’ wa al-Harakah* karangan Shaykh Muhammad al-Hubayshī (w. 782 H), iaitu khasnya pada bab pertama yang bertajuk *Faḍl al-Zirā’ wa al-Hiraf* (Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kemahiran yang lain).<sup>4</sup> Oleh itu, artikel ini bertujuan menunjukkan beberapa aspek penting dalam pertanian seperti yang diterangkan dalam kitab *al-Barakah fi Faḍl al-Say’ wa al-Harakah* oleh Syeikh Muhammad al-Hubayshī. Kitab tersebut bermula dengan biografi ringkas

---

4. Jamāl al-Dīn Muhammad bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Umar al-Hubayshī, *al-Barakah fi Faḍl al-Say’ wa al-Harakah* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2016).

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

pengarang. Kemudian, dilanjutkan dengan kepentingan kerja-kerja pertanian berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Di samping itu, artikel ini juga membentangkan beberapa pengajaran berharga untuk meluruskan kesalahfahaman berkenaan hakikat pekerjaan, bercucuk tanam, harta dunia dan lain-lain.

### **Pengarang Kitab<sup>5</sup>**

Beliau merupakan seorang tokoh yang sangat alim, pemegang pena yang memandu ke arah kefahaman, teladan ikutan orang-orang yang soleh, pemimpin yang agung, seorang yang mulia lagi masyhur, Jamāl al-Dīn Muhammad bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Umar al-Hubayshī al-Wuṣṣābī al-Shāfi‘ī. Penisbahan ‘al-Hubayshī’ di sini merujuk kepada datuknya yang bernama Ṣalamah bin ‘Ali bin Hubaysh bin Ibrāhīm bin Ahmad bin Hubaysh bin ‘Umar bin Salamah bin Abū Salamah bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awf al-Hubayshī. Penisbahan “al-Wuṣṣābī” pula merujuk kepada kabilah Ḥimyar yang bertempat di negara Yaman. Nasab keturunan pengarang dinisbahkan daripada jalur keturunan keluarga al-Zuhri.

Beliau dilahirkan pada tahun 712 Hijrah di sebuah perkampungan yang bernama kampung Haraf. Kampung Haraf kini adalah salah satu kampung yang diduduki oleh kaum ‘Uzlah bani Hubaysh dan menetap di sebuah kampung yang bernama Ḥimyar. Pada mulanya, beliau berguru dengan bapanya, kemudiannya menuntut dengan para guru yang berwibawa, antaranya ialah: Imām Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin ‘Umar al-‘Alawī, Shaykh Muḥammad bin ‘Abd Mālik al-Daydārī, Shaykh ‘Umar bin Ḥusayn bin Shibil, Shaykh Abū Bakar bin Jibril, Shaykh Muḥammad bin ‘Umar al-Hadramī dan ramai lagi. Seorang sejarawan yang bernama ‘Abd al-Rahmān al-Barihī dalam kitabnya berjudul *Tabaqāt Ṣulahā’ al-Yāman* menceritakan bapa pengarang, menurutnya:

- 
5. Sebahagian besar maklumat berkenaan pengarang kitab merujuk kepada mukadimah kitab *al-Barakah fī Fadl al-Sa'y wa al-Harakah* yang telah diselenggarakan oleh Lajnah Pentahqiq Dār al-Minhāj (Jeddah) dan telah diterbitkan pada tahun 2016.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

Beliau (bapa pengarang) adalah seorang imam yang sangat alim dan soleh, pemuka agama, 'Abd al-Rahmān bin 'Umar al-Hubayshī, pemilik pepohonan ilmu dan kepintaran, dasar ilmunya sangat teguh hingga berangkai ke langit dunia, sekalian orang yang terutama sangat mempercayainya, dan sakunya ilmu yang disulamkan dengan ilmu pengetahuan. Beliau dilahirkan dalam keadaan yatim di dalam kamar ibundanya. Sejak kecil, beliau sudah menekuni seni syair dan bahasa, dan dikenali dengan kehebatan dalam berbahasa dan retoriknya. Ketika zaman kecilnya, beliau pernah mencipta sebuah syair yang sangat indah. Beliau menuntut di sebuah madrasah di kota Taiz lalu menyambung pelajaran di dalam negaranya. Setelah itu, beliau mengajar di samping berkhidmat sebagai ahli fatwa lalu dilantik sebagai hakim setelah itu. Adapun beliau RHM adalah seorang imam muhaqqiq kepada pelbagai ilmu seperti ilmu Tafsir, Nahu, Bahasa, Usul dan ilmu ilmu lain. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang yang banyak berpuasa, warak dan orang yang sangat bersungguh-sungguh...<sup>6</sup>

Al-Hubayshī telah meninggalkan beberapa karya yang amat bernilai, antaranya ialah: *al-Barakah fī Fadl al-Sa'y wa al-Harakah*, *Umdat al-Talib fī al-I'tiqād al-Wājib*, *Farhat al-Qulūb wa Salwat al-Makrūb*, *al-Tadhkir bi Mā Ilayhi al-Masīr*, *al-Jawāhir al-Akkirah fī Mā Yusahhilu Umur al-Dunyā wa al-Akkirah*, *Nashr Tayy al-Ta'rīf fī Fadl Hamalat al-'Ilmī al-Shārif*, *al-Nurayn fī Islāh al-Dārayn*, *al-Qasīdah al-Wussābiyah fī al-Akhlāq wa al-Ādāb*, dan lain-lain. Menurut anaknya, beliau wafat pada malam Selasa, selepas waktu solat Isyak, bersamaan dengan awal malam bulan Sha'ban tahun 782 Hijrah.

**Kitab *al-Barakah fī Fadl al-Sa'y wa al-Harakah***

Kitab *al-Barakah* merupakan sebuah kitab yang banyak mengandungi nasihat mengenai kaedah untuk meraih keberkatan daripada setiap amalan sebagai bekalan menuju ke akhirat. Saiz

---

6. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 15–16.

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

kitab ini cukup tebal dengan jumlah 816 muka surat berdasarkan cetakan Dār al-Minhāj, Jeddah. Dalam penulisan artikel ini, kami merujuk kepada dua naskhah cetakan dan melakukan perbandingan antara kedua-duanya; cetakan yang pertama ialah cetakan Dār al-Minhāj (Jeddah) diterbitkan pada tahun 2016 manakala cetakan yang kedua ialah cetakan Maṭba‘ah al-Sharq (Mesir) diterbitkan pada tahun 1935. Namun dalam proses rujukan, kami lebih bersandarkan kepada cetakan Dār al-Minhāj kerana memiliki kelebihan daripada beberapa sudut: (1) telah ditahqiq oleh beberapa pentahqiq pakar; (2) ayatnya lebih tersusun dan lebih mudah difahami serta gaya pembentangan yang lebih tertib; dan (3) terdapat penambahan penjelasan perkataan yang sukar difahami serta rujukan sumber yang dicatatkan pada nota kaki.

Susunan kandungan kitab *al-Barakah* ini terbahagi kepada tujuh bab dan setiap bab memiliki beberapa fasal yang membahaskan pelbagai topik dan kemudian diakhiri dengan bab penutup. Bab pertama membahaskan keutamaan bercucuk tanam dan menceburi bidang pertanian. Bab kedua berkenaan keutamaan berkhidmat kepada ahli keluarga wanita. Bab ketiga membincangkan perkara-perkara yang dapat mendatangkan keberkatan, menghilangkan kefakiran, memanjangkan umur dan memperbanyakkan pahala. Bab keempat perihal perubatan dan benda-benda yang bermanfaat bagi kehidupan. Bab kelima pula menerangkan 40 hadis yang mengandungi perkataan “keberkatan” (*barakah*). Bab keenam mengenai zikir-zikir dan doa-doa yang bermanfaat. Bab ketujuh dan merupakan bab yang terakhir membahaskan secara khusus perihal zikir-zikir rutin yang perlu dibaca pada keadaan tertentu. Pada bahagian akhir kitab, pengarang memberikan beberapa nasihat berkenaan pentingnya mengingati Allah SWT dan doa penutup majlis.

Adapun perbahasan berkenaan keutamaan bercucuk tanam, yang menjadi kajian artikel ini merujuk kepada bab pertama daripada kitab *al-Barakah fī Faḍl al-Sa'y wa al-Harakah*. Bab tersebut ialah sebuah bab ringkas mengenai seruan dan galakan untuk bercucuk tanam sebagaimana yang dapat

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

ditemukan buktinya dalam al-Quran, hadis-hadis Nabi SAW, kehidupan para Sahabat dan para Awliya setelah mereka. Bab ini dibahagikan kepada tiga fasal utama; fasal pertama ialah “seruan untuk berkemahiran”, fasal kedua ialah “seruan untuk bercucuk tanam,” dan fasal terakhir ialah “galakan mencari harta dunia seadanya.”<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, hampir keseluruhan isi bab ini menyeru para pembacanya supaya menggiatkan diri dalam kegiatan bercucuk tanam. Sementara itu, fasal pertama dan ketiga ialah tema sisipan supaya para pembaca menyedari kepentingan untuk menjadi pakar dalam sesuatu bidang, di samping mengingatkan para pembaca supaya jangan menjadikan dunia sebagai matlamat utama di sebalik kerjaya mereka, akan tetapi menjadikan dunia hanyalah sekadar tempat persinggahan sementara untuk mengumpul bekalan menuju ke akhirat sana.

Fasal pertama mengandungi hadis-hadis dan petikan pengajaran daripada kehidupan para Anbiya’ dan Sahabat Nabi SAW supaya seseorang itu menjadi pakar dalam kemahirannya dalam sesuatu bidang. Bukti dapat dilihat bahwasanya Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang Mukmin yang berkemahiran tinggi.”<sup>8</sup> Bukan itu sahaja, fasal ini menyeru supaya seseorang itu hendaklah meninggalkan tabiat suka bermalas-malasan, yakni enggan melakukan suatu pekerjaan yang berfaedah. Demikianlah Rasulullah SAW pernah mengingatkan bahawa: “Sikap enggan bekerja itu dapat mengeraskan hati.”<sup>9</sup> Di samping itu, fasal ini juga mengingatkan kepada para pembaca apabila seseorang itu sudah berkerjaya, maka dia tidak boleh merendahkan kegiatan kemahiran seseorang dek kerana melihat

- 
7. Bahagian ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk pertama kalinya dan telah diterbitkan pada tahun 2023. Rujuk: Al-Hubayshī, *Seruan untuk Bercucuk Tanam*, terj. Sarif Hidayatullah dan Rizky Febrian (Kuala Lumpur: Rihla Media & Halaqah, 2023).
  8. Sulaymān bin Ahmad bin Ayyūb al-Tabarānī, *al-Muṣam al-Awsat*, jilid 8 (Kaherah: Dār al-Haramaīyin, 1995), ms. 380, no. 8934.
  9. Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Salāmah al-Qadā‘ī, *Musnad al-Shihāb*, jilid 1 (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1985), ms. 188, no. 278.

*Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185*

kegiatan yang diceburinya itu lebih gah berbanding orang lain, atau dia dapat meraih keuntungan yang lebih berbanding kegiatan kemahiran lain. Begitu juga, apabila seseorang itu mempunyai bakat dalam suatu kemahiran, maka dia perlulah menjadi pakar dalam kegiatan kemahiran yang diceburinya. Sesungguhnya kemahiran seseorang itu ialah bukti anugerah Allah kepadanya yang belum pasti dapat ditekuni oleh orang lain.<sup>10</sup> Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Barang siapa yang diberi rezeki daripada suatu kemahiran, maka hendaklah dia menekuninya.”<sup>11</sup>

Fasal kedua merupakan inti utama bab ini, setelah menegaskan bahawa seseorang perlu menekuni suatu kemahiran untuk menjana pendapatan daripada kemahiran tersebut, maka para Ulama berselisih pendapat terhadap kemahiran dan sumber mata pencarian manakah yang lebih utama. Maka, mereka cenderung menyebutkan bahawa ada tiga kemahiran yang utama sebagai mata pencarian harian iaitu: (1) kegiatan bercucuk tanam; (2) kegiatan pertukangan; dan (3) kegiatan perniagaan. Para ulama dalam mazhab Shāfi‘ī lebih cenderung mengatakan bahawa kegiatan bercucuk tanam merupakan kemahiran, kegiatan, dan sumber mata pencarian yang lebih utama melebihi sektor kegiatan lain. Selain itu, kegiatan bercucuk tanam juga merupakan fardū kifayah yang perlu dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat demi mencukupkan keperluan kaum Muslimin sejagatnya. Setelah itu, pengarang menjelaskan asbab-asbab kegiatan ini lebih utama berbanding kegiatan yang lain. Pengarang sering membincangkan kepentingan kegiatan bercucuk tanam serta manfaat-manfaatnya berdasarkan hadis daripada Nabi SAW, kisah kehidupan para Sahabat dan para Awliya yang mengamalkan kegiatan bercucuk tanam.<sup>12</sup>

Bukan itu sahaja, pengarang juga mendatangkan beberapa permasalahan yang berkaitan dengan kegiatan ini, seperti permasalahan akad bercucuk tanam (*muzārah* dan *mukhābarah*),

---

10. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 43–49.

11. Al-Qadā‘ī, *Musnad al-Shihāb*, jilid 1, ms. 238, no. 375.

12. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 49–104.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

permasalahan bekerja dalam bidang atau sektor yang dipandang hina sesetengah masyarakat dan kesalahfahaman dalam memahami beberapa riwayat tentang kegiatan bercucuk tanam.<sup>13</sup>

Fasal ketiga merupakan bahagian terakhir bab ini yang mempersempahkan peringatan kepada setiap yang bekerja supaya berpada-pada dalam mengumpulkan harta dunia tanpa lalai akan tujuan utama, iaitu mengumpulkan bekalan menuju ke akhirat. Rasulullah SAW telah pun mengingatkan umatnya tentang ancaman godaan dan fitnah dunia yang dapat mengelabui mata batin umatnya. Demikianlah Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya bagi setiap kaum itu ada ujian fitnah, dan ujian fitnah untuk umatku ialah fitnah harta.” Mereka yang benar-benar menyedari akan hakikat ini, akan sentiasa berasa bimbang akan urusan dunia dan akhiratnya; adakah urusan dunianya dilakukan dengan tujuan mengumpul bekalan ke akhirat atau sebaliknya? Pengarang cuba menjawab persoalan yang sering ditanyakan oleh orang ramai mengenai berapakah kadar harta yang mencukupi bagi seseorang yang patut dia cari untuk menyara hidupnya? Lalu, pengarang pun menjelaskan secara terperinci jawapan-jawapannya dengan mengambil daripada hadis Nabi SAW dan para Sahabat serta nasihat ulama dan orang soleh terdahulu, seperti Ubayy bin Ka'b (w. 649M), Abū al-Dardā' (w. 652M), Ibnu Mas'ūd (w. 653M), Hasan al-Baṣrī (w. 738M), Mālik bin Dīnār (w. 748M), Ḥākim al-Tirmidhī (w. 869M) dan ramai lagi.<sup>14</sup>

**Keutamaan Bercucuk Tanam**

Terdapat banyak dalil untuk disenaraikan berkenaan keutamaan bercucuk tanam demi mencapai kedaulatan makanan bagi masyarakat serta keutamaannya berbanding kegiatan lain yang tidak dapat dinafikan, sama ada daripada al-Quran, Sunnah dan amalan para Salaf. Antara keutamaan bercucuk tanam ialah

---

13. Ibid., 56–61.

14. Ibid., 108–117.

*Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185*

Allah SWT telah menyediakan segala macam nikmat kepada para hambanya yang berupa nikmat iman dan nikmat lainnya. Allah SWT banyak menyebutkan dan banyak mengulang dalam beberapa ayat berkenaan apa yang dikurniakan-Nya kepada hamba-Nya berupa pengeluaran hasil daripada ladang, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Dia menyifatkan diri-Nya sebagai Yang Maha Berkuasa menghasilkan tanaman dan tumbuhan-tumbuhan untuk memenuhi keperluan sejagat.<sup>15</sup>

Allah SWT juga menyebutkan bahawa Dia telah menumbuhkan segala jenis tanaman dan buah-buahan di bumi itu dengan mengarahkan hujan untuk turun, sebagai satu tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya bagi kaum yang mahu berfikir.<sup>16</sup> Bahkan, Allah SWT jualah yang menghidupkan bumi yang mati dan mengeluarkan biji-bijian untuk manusia sebagai tanda kekuasaan dan kemurahan-Nya.<sup>17</sup> Selain biji-bijian, Allah SWT juga menumbuhkan pelbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon serta bunga-bungaan yang harum untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhluk yang lain.<sup>18</sup> Oleh sebab itu, manusia digalakkan untuk melihat kepada makanannya dan cara Allah SWT mentadbirnya,<sup>19</sup> agar mereka mengetahui kebesaran dan kekuasaan Allah SWT serta bersyukur atas segala kurniaan yang dilimpahkan ke atas mereka.

Selain itu, Allah SWT juga mengumpamakan “sifat Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas pangkal batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. Dan Allah SWT menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW, dan pengikut-pengikutnya tumbuh berkembang serta kuat lagi gagah.”<sup>20</sup>

---

15. *Surat al-Anām* (6): 99 & 141; *Surat al-Rā‘d* (13): 4.

16. *Surat al-Nahl* (16): 11; *Surat al-Sajdah* (32): 27; *Surat Qāf* (50): 9; *Surat al-Naba’* (78): 15–16.

17. *Surat Yā-Sīn* (36): 33.

18. *Surat al-Rahmān* (55): 10–12; *Surat al-Kahf* (18): 32.

19. *Surat ‘Abasa* (80): 24–25; *Surat al-Wāqi‘ah* (56): 63–64.

20. *Surat al-Fath* (48): 29.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

Adapun dalil-dalil mengenai keutamaan kegiatan bercucuk tanam yang dipetik daripada *āthār* juga sangat banyak. Al-Hubayshī juga mengungkapkan sebahagiannya sahaja di dalam karyanya ini, seperti yang diriwayatkan oleh al-Tha'labī dan al-Wāhiḍī<sup>21</sup> dalam kitab tafsir mereka<sup>22</sup> dengan jalur riwayat daripada Ibnu 'Umar RA bahwasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Tidak ada suatu tumbuhan yang menjalar di atas muka bumi atau buah di atas pepohonan melainkan pasti tercatat padanya *bismiLlah al-Rahmān al-Rahīm rizqu fulān bin fulān* (bermaksud dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, ini ialah rezeki si polan bin si polan).<sup>23</sup>

Hanya dengan hadis di atas sahaja sudah cukup untuk menzhirkan kelebihan seseorang yang bergiat dalam kegiatan bercucuk tanam dan pekerjaan dalam sektor tersebut bahawa kegiatan ini sebenarnya dijamin dengan Nama-Nama Allah SWT *al-Rahmān* dan *al-Rahīm*, hal ini kerana Nama-Nama Allah SWT itu dicatatkan pada setiap tanaman dan penghasilannya.<sup>24</sup> Di dalam *kitab Sahīh al-Bukhārī*, daripada Anas bin Mālik RA bahwasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Tidak ada seorang Muslim yang menanam suatu tanaman atau menyemai suatu benih lalu hasilnya dimakan oleh burung atau manusia, mahupun

- 
21. Abū al-Hasan 'Alī bin Ahmad bin Muhammād bin 'Alī al-Wāhiḍī al-Nīsābūrī al-Shāfi'i (wafat 1076M) merupakan seorang ilmuwan dalam bidang tafsir, sebab nuzul ayat, bahasa Arab, dan sejarah. Antara karyanya termasuklah kitab *Asbāb al-Nuzūl* dan tiga kitab tafsir, iaitu *al-Baṣīr*, *al-Wāsiṭ*, dan *al-Wājīz*.
  22. Kitab *al-Kashf wa al-Bayān* dan *Tafsīr al-Wāsiṭ*. Ahmad bin Muhammād al-Tha'labī, *al-Kashf wa al-Bayān* (*Tafsīr al-Tha'labī*), ed. Ibn 'Ashūr dan al-Sā'iḍī (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāث al-'Arabi, 2002); 'Alī bin Ahmad al-Wāhiḍī, *al-Wāsiṭ fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*, ed. 'Adil Ahmad Abd al-Mawjūd dan 'Alī Muhammād Mu'awwad (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995).
  23. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 52.
  24. Ibid.

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

haiwan ternakan melainkan pasti bagi orang tersebut pahala sedekah. Apa jua yang dimakan daripada penghasilan tersebut merupakan sedekah baginya, begitu juga dengan apa yang dicuri, dimakan serangga, atau yang dimakan oleh burung, maka ia juga merupakan sedekah baginya. Tidak ada suatu harta yang telah diambil (yarza'uh) oleh sebarang makhluk melainkan ia merupakan sedekah baginya.<sup>25</sup>

### **Beberapa Pengajaran Berharga yang Dapat Diambil**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, selain membincangkan perihal seruan untuk bercucuk tanam, kitab *al-Barakah* merupakan sebuah kitab yang mengandungi banyak nasihat mengenai kaedah untuk meraih keberkatan daripada setiap amalan sebagai bekalan menuju ke hari akhirat. Di sini kami senaraikan beberapa pengajaran penting dan berharga yang diringkaskan daripada kitab tersebut, antaranya:

#### **Seorang Muslim Perlu Memiliki Kemahiran**

Dalam kitab *al-Barakah*, al-Hubayshī menukilkan beberapa riwayat yang menggalakkan agar setiap Muslim itu mempunyai kemahiran dan dengannya jua ia dapat menyara kehidupannya dan tanggungannya. Antaranya ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang Mukmin yang berkemahiran tinggi.”<sup>26</sup> Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud: ‘Allah SWT mengajarkan Nabi Adam seribu jenis kemahiran daripada segala jenis kemahiran

- 
25. Diriwayatkan oleh al-Bukhārī (no. 2320) dan Muslim (no. 1553). Rujuk: Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, ed. Kumpulan penyelidik Sūltāniyyah, jilid 3 (Mesir: al-Matba'ah al-Kubrā al-Amiriyah, 1311 H), ms. 103; Muslim bin Hajjāj, *al-ŷāmi' al-Sahīh* (*Sahīh Muslim*), ed. Ahmad bin Rifa'aṭ Ḥaṣārī, Muhammād 'Izzat, bin 'Uthmān, dan Abū Ni'matuLlāh Muhammād Shukrī, jilid 5 (Turki: Dār al-Ṭibā'ah al-Amirah, 1334 H), ms. 28.
  26. Al-Tabarānī, *al-Mu'jam al-Awsat*, jilid 8, ms. 380, no. 8934.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

dan Allah SWT memerintahkan Nabi Adam: Serulah anak-anak dan keturunanmu, jika mereka tidak dapat bersabar, maka hendaklah mereka mencari harta dunia dengan kemahiran-kemahiran ini dan janganlah mencari harta dunia dengan cara menjual agama. Sesungguhnya agama itu hanya milik-Ku sahaja, maka celakalah sesiapa yang mencari harta dunia dengan cara menjual agama. Sungguh, celakalah dia.” Dalam riwayat yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Hendaklah kamu memperbaiki urusan duniamu dan beramallah untuk bekalan akhiratmu.”<sup>27</sup>

Menurut al-Hubayshī, selain untuk memperbaiki urusan dunia, memiliki kemahiran juga merupakan sunah para Nabi, kerana setiap seorang dalam kalangan para *Anbiyā' ʻalayhim al-salātu wa al-salām* mempunyai sejumlah kemahiran yang dengannya mereka dapat menyara kehidupan. Seperti Nabi Adam AS, beliau merupakan seorang peladang dan penjahit, manakala Sayyidatinā Hawwā' pula merupakan seorang penenun. Nabi Idrīs AS merupakan seorang penjahit dan pembuat tulisan (*khattāt*), manakala Nabi Nūḥ AS dan Nabi Zakariyyā AS pula merupakan seorang tukang kayu. Nabi Hūd AS dan Nabi Shāliḥ AS merupakan seorang peniaga, manakala Nabi Ibrāhīm AS pula ialah seorang peladang dan tukang kayu. Selain itu, Nabi Ayyūb AS merupakan seorang peladang, dan Nabi Dāwūd AS ialah seorang tukang besi, serta Nabi Sulaymān AS pula merupakan seorang pentadbir. Bukan itu sahaja, Nabi Mūsā AS, Nabi Shu‘ayb AS, Rasulullah SAW dan juga sekalian para *Anbiyā'* yang lain juga pernah bekerja sebagai pengembala kambing.<sup>28</sup>

Demikianlah juga Nabi Agung kita, Rasulullah SAW dalam sirahnya dahulu berkhidmat untuk ahli keluarganya ketika berada di dalam rumah. Baginda SAW yang membasuh

---

27. Abū Shujā‘ Shīrawayh bin Shardār al-Daylamī, *al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khitāb*, ed. Al-Sa‘īd bin Basyūnī Zaghlūl, jilid 3 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986), ms. 42, no. 4105; Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 43.

28. Ibid., 43.

*Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185*

pakaiannya sendiri, memerah susu kambingnya, menampal pakaian, membaiki capalnya, menyediakan keperluan asas dirinya, menyapu rumahnya, mengikat tali untanya, memberi minum untanya dan juga makan bersama khadamnya.”<sup>29</sup> Selain itu, Baginda SAW juga menumbuk gandum menolong para isterinya ketika mereka kepenatan dan menguli tepung tersebut bersama mereka. Baginda SAW juga akan memotong daging untuk mereka dan akan membawa pulang barang dari pasar. Baginda SAW juga pernah mendakkan seekor kambing dan unta-unta untuk dijadikan qurban sedekah.<sup>30</sup> Suatu ketika, Baginda SAW juga pernah merawat luka Sa‘ad dan As‘ad serta para Sahabat yang lain.<sup>31</sup>

Anak-anak Khālid<sup>32</sup> pernah menuturkan bahawa:

Dahulu kami pernah menemui Rasulullah SAW dan ketika itu Baginda SAW sedang melakukan suatu pekerjaan—iaitu membina sebuah bangunan, lantas kami pun terus menolong Baginda SAW. Seusai habis, Baginda SAW pun mendoakan kesejahteraan buat kami. ‘A’ishah RAH pernah berkata: “Rasulullah SAW itu tidaklah dilihat memiliki masa yang lapang selepas berkhidmat untuk ahli keluarganya melainkan Baginda SAW akan membaiki capal untuk orang-orang miskin atau menjahit pakaian buat para janda.”<sup>33</sup>

Berdasarkan nukilan riwayat di atas, kita dapat menyaksikan keperibadian dan kemahiran Baginda SAW. Beliau SAW sentiasa mempunyai tenaga upaya untuk menolong orang lain dan bersikap rendah hati dalam segala perkara.

- 
29. Ibid., 43–44.
  30. Kemahiran ini menjelaskan bahawa Nabi SAW amat mahir dalam menentukan haiwan ternakan yang sesuai untuk dijadikan korban sedekah.
  31. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 44.
  32. Kedua-dua mereka itu adalah (1) Ḥabbah bin Khālid dan (2) Sawā’ bin Khālid.
  33. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 45.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

Sesungguhnya hanya Rasulullah SAW sahaja merupakan sebaik-baik contoh teladan bagi kita. Demikianlah Rasulullah SAW pernah bersabda: “Sikap enggan bekerja itu dapat mengeraskan hati.”<sup>34</sup> Pada hakikatnya, sikap ‘enggan bekerja’ itu sebenarnya ialah satu bentuk kemalasan dan kelalaian, sama ada lalai sudut lalai terhadap usaha mencari rezeki yang halal atau lalai mengerjakan amalan-amalan ukhrawi.

**Kegiatan Bercucuk Tanam ialah Sumber Pendapatan yang Terbaik**

Abū al-Hasan ‘Alī al-Māwardī<sup>35</sup> salah seorang dalam kalangan *ashāb al-Šāfi‘ī*<sup>36</sup> RHM menjelaskan bahawa: Menurut pandangan kami, kegiatan bercucuk tanam ialah pekerjaan yang terbaik sekali kerana pekerjaan tersebut merupakan satu kegiatan yang paling hampir dengan aspek tawakal, hal ini selaras dengan firman Allah SWT: “Dan sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal.”<sup>37</sup> Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Sebahagian daripada kalangan umatku akan masuk ke dalam syurga sebanyak tujuh puluh ribu orang tanpa melalui sebarang hisab, mereka tidak pernah berbuat jampian serapah (*yastarqūn*) dan tidak mempercayai nasib sial (*yataṭayyarūn*) serta hanya kepada Tuhannya sahaja mereka bertawakal.”

Imam Nawāwī RHM menyatakan: Terdapat sebuah hadis dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* daripada al-Miqdām RA

- 
34. Ibid., 45.
  35. Abū al-Hasan ‘Alī Bin Muhammad al-Māwardī (974–1058M) merupakan kadi agung daulah Abbasiyah, faqih mazhab Shāfi‘ī, dan menulis banyak karya. Antaranya *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*, *Siyāsah Aḍām al-Nubuwah* dan banyak lagi.
  36. *Ashāb al-Šāfi‘ī* ialah satu istilah merujuk kepada sekolah pemikiran fiqh Sunni yang diniisahkan kepada mazhab Shāfi‘ī. Ia berpegang dengan pengeluaran hukum melalui cara yang diasaskan oleh Imam Shāfi‘ī secara umum, akan tetapi tidaklah bermakna hukumnya akan sama dengan pandangan Imam Shāfi‘ī sendiri. Kadang-kadang, pandangan akhir akan berlainan dengan pandangan Imam Shāfi‘ī sendiri tetapi cara pengeluaran hukumnya adalah sama.
  37. *Surat Ali Imrān* (3): 159.

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

bahawasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “Sebaik-baik makanan yang dimakan oleh seorang hamba ialah makanan yang diusahakan daripada usaha dirinya sendiri. Sesungguhnya dahulu Nabi Dāwūd AS hanya makan makanan yang diusahakan oleh dirinya sendiri.”<sup>38</sup>

### **Kegiatan Bercucuk Tanam merupakan Fardu Kifayah**

Para Ulama berpandangan bahawa kegiatan bercucuk tanam merupakan sebahagian daripada fardu kifayah seperti yang tertera dalam kebanyakan penulisan mereka. Hal yang demikian ini adalah kerana urusan-urusan berkaitan agama, dunia dan kehidupan tidak akan dapat terlaksana tanpa adanya kegiatan bercucuk tanam. Oleh sebab itu, cara untuk melaksanakan urusan-urusan tersebut adalah dikira juga sebagai cara untuk melaksanakan fardu kifayah. Sebagai contoh, keperluan terhadap ladang kurma, ladang anggur dan pokok-pokok lain, sekiranya seluruh manusia mengabaikan keperluan tersebut, maka mereka semua akan berdosa. Sebaliknya, sekiranya ada sebahagian manusia yang melaksanakan keperluan tersebut maka akan tertampunglah fardu kifayah seterusnya tergugurlah kewajipan, yakni gugurlah dosa orang Muslim yang lain.

Sebahagian Ulama seperti Imam al-Haramayn al-Juwainī,<sup>39</sup> Imam al-Nawāwī dan selain mereka pernah menyatakan bahawa:

Sesungguhnya pelaksanaan fardu kifayah itu lebih utama daripada pelaksanaan fardu ain, kerana fardu ain seperti solat dan puasa, jika tidak melaksanakannya hanyalah berdosa pada seseorang sahaja, sedangkan sekiranya dilaksanakan maka gugurlah dosa diri sendiri, dan bukan dosa orang lain. Adapun fardu kifayah sekiranya tidak dilaksanakan maka akan berdosalah seluruh mukalaf daripada

- 
38. Diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, jilid 3, ms. 57, no.2072.
  39. Diyā' al-Dīn 'Abd al-Mālik bin Yūsuf al-Juwainī al-Shāfi'ī (1028–1085M) merupakan ahli fiqh, ahli kalam, dan imam mazhab Shāfi'ī. Beliau menulis banyak penulisan antaranya kitab *al-Waraqāt*, *al-Aqīdah al-Nīzāmiyyah*, *al-Irshād* dan lain-lain lagi.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

kaum Muslimin, sebaliknya sekiranya ada yang melaksanakannya, maka akan tergugurlah dosa diri sendiri dan dosa seluruh kaum Muslimin. Bahkan dengan pelaksanaannya juga, menjadi tercukupilah keperluan kaum Muslimin di sebahagian kawasan tertentu.<sup>40</sup>

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT pun menetapkan bahawa fardu kifayah adalah hal yang mesti diusahakan, maka tiadalah sebarang alasan untuk mengabaikannya.

**Keutamaan Berdikari daripada Mengharapkan Bantuan**

Seseorang Muslim itu seharusnya berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain.<sup>41</sup> Menurut al-Hubayshī, kesungguhan berdikari tanpa mengharapkan bantuan manusia lain itu sebenarnya kebahagiaan yang seluas-luasnya dan keuntungan yang sebaik-baiknya. Bahkan, Rasulullah SAW juga pernah bersabda yang bermaksud: “Rasa kecukupan itu sebenarnya ialah harta yang sebenar-benarnya.”<sup>42</sup> Rasulullah SAW bersabda lagi yang bermaksud: “Sebaik-baik harta yang elok berada pada orang yang baik dan sebaik-baik anak yang taat berada pada

- 
40. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 49.
  41. Antara karya penting berkenaan seruan untuk bekerja agar dapat hidup berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain termasuklah karya Imam al-Khallāl yang bertajuk *al-Haththu ‘alā al-Tijārah wa al-Sinā‘ah wa al-Amal, wa al-Inkār ‘alā man Yadda i al-Tawakkul fi Tark al-Amal wa al-Hujjatu alayhim fi dhālik*, yang secara literal, dapat diterjemahkan sebagai “Seruan untuk berniaga, bertukang dan bekerja, serta bantahan terhadap mereka yang mendakwa bertawakkal dengan meninggalkan bekerja dan hujjah bantahan ke atas mereka. Rujuk: Imām al-Khallāl, *al-Haththu ‘alā al-Tijārah wa al-Sinā‘ah wa al-Amal, wa al-Inkār ‘alā man Yadda i al-Tawakkul fi Tark al-Amal wa al-Hujjatu alayhim fi dhālik*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (Aleppo: Maktab al-Matbū‘at al-Islāmiyyah, 1995M); edisi terjemahan bahasa Melayu, rujuk: Amru Khalid Sazali dan Rizky Febrian, (penterjemah), *Seruan untuk Bekerja* (Kuala Lumpur: Kafilah Buku dan Halaqah Muamalah, 2021).
  42. Abū al-Hasan ‘Alī bin Muhammad bin Muhammad bin al-Athīr, *Jāmi‘ al-Uṣūl fi Ahādīth al-Rasūl*, ed. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt, jilid 11 (Arab Saudi: Maktabah al-Halwāni, 1969), ms. 695, no. 9337.

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

orang tua yang taat.”<sup>43</sup> Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang yang bertakwa lagi kaya serta menyembunyikan ketaatan.”<sup>44</sup>

Pada suatu hari Mālik bin Dīnār pernah berpesan kepada Muḥammad bin Wāsi<sup>45</sup>: “Berbahagialah bagi sesiapa yang dirinya mendahagakan ketakwaan dan tidak mengharapkan bantuan manusia lain.” Juga diriwayatkan daripada Sa‘id bin ‘Amīr berkata bahwasanya Rasulullah SAW pernah ditanya: “Pekerjaan manakah yang paling utama?” Baginda SAW menjawab yang bermaksud: “Pekerjaan yang diusahakan oleh usahanya sendiri dan setiap daripada suatu penjualan yang *mabrūr*.” Abu ‘Ubaydah<sup>46</sup> menjelaskan: “Maksud *mabrūr* itu ialah suatu penjualan yang tidak bercampur dengan sebarang penipuan ataupun dosa.” Maknanya penjualan tersebut tidak mempunyai sebarang unsur keraguan, penganiayaan dan penipuan.” Dalam riwayat yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan seseorang itu berasal daripada usahanya, dan sesungguhnya anak seseorang itu juga berasal daripada usaha [bapa]nya.”<sup>47</sup>

Berdasarkan yang dinyatakan di atas, menurut al-Hubayshī, kedua-dua hadis tersebut sudah pun menegaskan keutamaan ketiga-tiga sumber mata pencarian, namun kegiatan bercucuk tanam merupakan kaedah yang terbaik sebagai sumber mata pencarian sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Nawawī.

- 
- 43. Al-Bukhārī, *al-Adab al-Mufrad*, tahrīq: Muhammād Fu’ad ‘Abd al-Bāqī (Beirut: Dar al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1989), no. 299, 112.
  - 44. Muslim, *al-Jāmi’ al-Sahīh* (Ṣahīh Muslim), jilid 8, no. 2965, 214.
  - 45. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Wāsi’ Ibnu Jābir al-Akhnas al-Baṣrī (wafat 127H).
  - 46. Abū ‘Ubaydah ‘Āmir bin ‘Abdillāh bin al-Jarrāh (583-639M) merupakan Sahabat Nabi SAW dan dikenali sebagai salah seorang 10 orang yang dijanjikan syurga. Beliau juga merupakan panglima tentera semasa pemerintahan Umar semasa penaklukan Syam.
  - 47. Maksud hadis ini adalah sesungguhnya sebaik-baik rezeki yang halal dan utama lagi terhindar daripada sebarang syubhat ialah rezeki yang diusahakan oleh usahanya sendiri, dan bapa dapat menggunakan harta anak secara berhemah kerana anaknya itu adalah sebahagian daripada dirinya, bahkan kewujudan dan kejayaan anaknya itu sendiri ialah bukti sebaik-baik berkat usaha seorang bapa.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

Demikian kerana manfaatnya adalah menyeluruh meliputi kepada selain penggiatnya, contohnya seperti manfaatnya kepada burung-burung, haiwan ternakan dan pelbagai haiwan yang lain. Menurut satu kaedah,<sup>48</sup> sesuatu yang dikira lebih luas manfaatnya maka perkara itulah yang terbaik merujuk kepada kebanyakan situasi. Oleh sebab itulah, ibadah solat dikira sebagai ibadah terbaik disebabkan oleh manfaatnya yang meluas. Hal yang demikian ini adalah kerana ucapan-ucapan dan lafaz *tashahud* semasa solat mengandungi manfaat yang menyeluruh meliputi kepada seluruh kaum Muslimin, sebagai contoh lafaz *tashahud*: “Kesejahteraan ke atas kami dan kepada seluruh hamba Allah yang soleh.”

Menurut al-Hubayshī, berdasarkan lafaz tersebut, setiap hamba Allah yang soleh sama ada yang berada di langit atau di bumi pasti akan diganjari dengan kebaikan. Begitu juga halnya lafaz selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW dan lafaz doa yang mengharapkan hidayah atas jalan yang benar, yang menggunakan lafaz jamak dan lafaz yang seumpamanya. Disebabkan inilah, ibadah solat itu dianggap sebagai ibadah jasmani yang paling utama.<sup>49</sup>

### **Kewajipan Menjana Pendapatan yang Halal walaupun Sedikit**

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Ibadah itu mengandungi sepuluh bahagian, sembilan daripadanya ialah usaha menjana pendapatan yang halal.”<sup>50</sup> Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud: “Usaha menjana pendapatan yang halal itu ialah suatu jihad.”<sup>51</sup> Dalam hadith lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Usaha mencari rezeki halal itu ialah satu kefarduan selepas kefarduan yang lain.”<sup>52</sup> Ali RA

---

48. Kaedah ini merujuk kepada kaedah-kaedah fiqh.

49. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 47.

50. Muhammad bin ‘Āsim al-Thaqafī, *Kitāb Juz’ Muhammad bin ‘Āsim al-Thaqafī*, tahqiq: Muṣṭid Khālid ‘Ayd (Riyad-Arab Saudi: Dār al-‘Āsimah, 1409 H), no. 54, 143.

51. Al-Daylāmī, *al-Firdaws*, jilid 2, ms. 442, no. 3919.

52. Ibid., 441.

*Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185*

berkata: “Sesungguhnya syurga itu rindu kepada golongan yang bersedih dan merasa bimbang semasa menjana pendapatan yang halal.”<sup>53</sup> Diriwayatkan bahawa suatu ketika al-Awzā’ī bertemu Ibrāhīm bin Adham yang pada ketika itu sedang memikul segulung kayu api di atas bahunya, lalu al-Awzā’ī pun bertanya: “Wahai Abū Ishāq (Ibrāhīm bin Adham), sampai bilakah engkau mahu dalam keadaan begini, adakah masih tidak cukup lagi saudaramu menanggung kecukupanmu?” Ibrāhīm bin Adham pun menjawab: “Tinggalkanlah aku wahai Abū ‘Amr (al-Awzā’ī), sesungguhnya telah sampai kepadaku bahawa sesiapa yang berhenti daripada bergantung pada tempat yang tidak selayaknya demi berusaha mencari rezeki yang halal, maka wajiblah syurga baginya.”<sup>54</sup>

Seterusnya, Abū Sulaymān al-Dārānī RHM pernah berpesan: “Barangsiapa yang tidur dalam keadaan penat kerana mencari rezeki yang halal, maka dia tidur dalam keadaan Allah SWT reda kepadanya.” Terdapat satu riwayat mengatakan: “Barangsiapa yang pada petang harinya dalam keadaan penat kerana mencari rezeki yang halal, maka dia tidur dalam keadaan diampunkan dosanya, dan bangun dalam keadaan Allah SWT meredai dirinya.”<sup>55</sup>

Suatu ketika Rasulullah SAW berjalan melewati seorang lelaki yang sedang membakar roti untuk rakannya sehingga dia berpeluh dan kepanasan api itu menyakitinya, lantas Rasulullah SAW menegaskan: “Dia tidak akan merasai api neraka sama sekali.” Dalam hadith lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Barangsiapa yang berusaha menyara dirinya untuk meraih kemuliaan dirinya dan berdikari tidak mengharapkan bantuan, maka dia akan beroleh mati syahid. Barangsiapa yang berusaha

- 
53. Ibn al-Fākhir, Ma‘mar bin ‘Abd al-Wāhid, *Mujibāt al-‘Jannah*, Tahqiq: Nāṣir bin Ahmad bin al-Najjār al-Dimyāṭī (Mesir: Maktabah ‘Ibād’ al-Rāḥmān, 2002), ms. 277, no 413.
  54. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 79.
  55. Ibid.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

untuk kedua ibu bapanya demi mencukupkan keperluan mereka berdua, maka dia berada pada jalan Allah SWT. Barangsiapa yang berusaha untuk keluarganya, maka dia berada pada jalan Allah SWT. Sebaliknya barangsiapa yang berusaha mencari harta untuk berlebih-lebihan, maka dia berada pada jalan syaitan.<sup>56</sup>

### **Kecelaan Memperbanyakkan Harta Dunia**

Seterusnya dibincangkan juga berkenaan kecelaan memperbanyakkan harta dunia. Al-Hubayshī menerangkan bahawa bekerja untuk menjana pendapatan dan menyara hidup sebenarnya bukanlah satu bentuk kegiatan yang akan mewarisi kehinaan. Namun, sekiranya usaha menjana pendapatan tersebut menyebabkan pelakunya terjerumus ke dalam keadaan yang mungkar, atau menjadikan pelakunya mencari harta dunia bertujuan bermewah-mewahan dan menimbulkan kerasnya hati, ataupun ia akan mengakibatkan pelakunya cuba meraihnya dengan apa cara sekalipun sehingga dia tidak dapat merasa puas dengan apa yang telah Allah SWT cukupkan untuknya daripada harta dan perlindungan, maka sebenarnya orang tersebut diibaratkan sebagai manusia yang secara rela berjalan ke ruang kebinasaan dan tempat kehancurannya sendiri. Sedangkan ketika dia pulang selepas mencari harta dunia, pujiannya itu sebenarnya hanyalah kehinaan, dan usaha kerja kerasnya itu hanyalah sekadar pengumpulan dosa, manakala harta melimpahnya itu hakikatnya adalah kehampaan.<sup>57</sup>

Tambahnya, hakikat kebahagiaan yang hakiki itu sama ada ketika berada di dunia atau di akhirat dapat dicapai hanya setelah menuaikan tanggungjawab syariat serta beradab dengan akhlak yang mulia. Memadailah seseorang

---

56. Abū al-Layth al-Samarqandī, *Tanbīh al-Għafīlīn bi Ahādīth Sayyid al-Anbiyā' wa al-Mursalīn*, ed. Yūsuf 'Alī Badīwī (Damsyik-Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2000), ms. 340, no. 488.

57. Al-Hubayshī, *al-Barakah*, 104.

*Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185*

itu mempunyai tempat tinggal yang dapat melindunginya, mempunyai simpanan semasa yang mana jumlahnya dapat menampungnya, tidak berlebih-lebih dalam menambah keperluannya hingga melampaui batas, mempunyai isteri yang beriman yang dapat melayaninya, mempunyai anak-anak yang dapat menghiburkannya, mempunyai jiran baik yang tidak menyakitinya, dan mempunyai pembantu yang dapat mengurus keperluan dirinya serta menjaga hartanya. Setelah itu, sebenarnya dia tidaklah memerlukan keperluan-keperluan lain selain daripada yang demikian.<sup>58</sup> Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Barangsiapa yang mengumpul harta dunia melebihi apa yang dia perlukan, maka dia telah pun mengumpul bangkai reput tanpa dia sedari.”

### **Perkara yang Sepatutnya dan yang Tidak Perlu Dimiliki**

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Bani Ādam akan menyesal berkata ‘hartaku, hartaku?’ Apa yang sepatutnya kamu miliki daripada hartamu hanyalah apa yang kamu makan lalu ia hadam, atau apa yang kamu pakai lalu ia lusuh, atau apa yang kamu sedekahkan lalu ia berterusan.”<sup>59</sup> Rasulullah SAW juga pernah bersabda yang bermaksud: “Tidaklah seorang keturunan Adam itu mempunyai hak melainkan hanya barang ini sahaja: rumah yang didiaminya, pakaian yang dapat menutupi auratnya, roti dan air sebagai bekalan harian”—iaitu sebanyak sepotong roti dan air sejuk tanpa sebarang lauk.<sup>60</sup> Dalam riwayat lain, Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud: “Kebanyakan manusia akan binasa melainkan hamba Allah SWT yang sebegini dan yang sebegitu”<sup>61</sup> dan jumlah mereka itu adalah

---

58. Ibid.

59. Muslim, *al-Ājāmi‘ al-Sahīh* (Sahīh Muslim), jilid 8, ms. 211, no. 2958.

60. Al-Radwānī, Muhammad bin Muhammad al-Fāsī, *Ājāmi‘ al-Fawā‘id min Jāmi‘ al-Ūsūl wa Majma‘ al-Zawā‘id*, ed. Abū ‘Ali Sulaymān bin Dari‘, jilid 1 (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1998), ms. 485, no. 2851.

61. Iaitu golongan yang mengeluarkan hartanya di jalan kebaikan dan suka menghulurkan bantuan.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

sangat sedikit.”<sup>62</sup> Dalam hadith lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Tiada seorang pun di hari kiamat kelak kaya ataupun miskin melainkan mereka mendambakan untuk memberi apa yang dimilikinya daripada harta dunia walaupun hanya sekadar sebijik benih.”<sup>63</sup> Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Tiada gunanya kemegahan pada perhiasan yang mengelilingi pakaian, bangunan yang meneduhkan, atau air yang dapat melegakan ketika seorang hamba itu dihisab pada hari Kiamat dan ditanyakan tentangnya.”<sup>64</sup>

Berdasarkan hadith-hadith di atas, jelaslah bahawa Rasulullah SAW menyeru agar berzuhud dalam menjalani kehidupan di dunia. Orang yang zuhud ialah orang yang berdikari dan mandiri, serta tidak bergantung harapan kepada orang lain, tidak meminta-minta dan merasa cukup dengan apa yang dimilikinya. Walaupun kebergantungannya hanya kepada Allah SWT, namun dia tetap berusaha sedaya upaya dan sehabis baik dalam menyara kehidupan dan tanggungannya dengan bekerja mencari rezeki yang halal lagi baik. Sama ada dirinya miskin atau kaya, hidupnya tetap bersederhana, tidak boros dan membazir, tidak juga kedekut dan kikir, tidak berbuat kezaliman dan kemaksiatan, bahkan sentiasa bersungguh-sungguh memperelokkan dirinya dengan sifat-sifat yang mulia dalam memenuhi tugas hakikinya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di dunia, demi memperoleh kebahagiaan abadi di akhirat sana.<sup>65</sup>

- 
62. Al-‘Irāqī, ‘Abd al-Rahīm bin Zayn, *al-Mughnī ‘an Haml al-Asfār fī al-Asfār; fī Takhrij mā fī al-Iḥyā’ min al-Akkābār* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005), ms. 1135, no. 3.
  63. Al-‘Irāqī, *al-Mughnī ‘an Haml al-Asfār fī al-Asfār*, ms. 1552, no. 7.
  64. Al-‘Asqallānī, *Mukhtasar Zawā’id Musnad al-Bazzār ‘alā al-Kutub al-Sittah wa Musnad Ahmad*, ed. Sābūr bin ‘Abd al-Khāliq Abū Dharr, jilid 2 (Beirut: Mu’assasat al-Kutub al-Thaqafiyah, 1992), ms. 506, no. 2301.
  65. Penjelasan lebih lanjut berkenaan zuhud dan kaitannya dengan kefiran, rujuk: Muhammad Hasan Shaharin dan Rizky Febrian (penterjemah), *Kefiran dan Zuhud dalam Islam* (Kuala Lumpur: Rihla Media & Halaqah Muamalah, 2023).

*Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185*

## **Penutup**

Berdasarkan teks yang dikaji dapat disimpulkan bahawa kegiatan bercucuk tanam itu merupakan satu kegiatan yang sangat diperlukan, bahkan yang paling utama dalam mencukupkan keperluan hidup makhluk di dunia. Seseorang itu tidak mungkin dapat menafikan kepentingan kegiatan bercucuk tanam melainkan orang tersebut diibaratkan seperti mengingkari kewujudan dirinya sendiri. Hal yang demikian ini adalah kerana jika bukan kerana makanan, maka tidak akan hiduplah tubuh badannya.

Dalam usaha untuk mencapai keterjaminan dan kedaulatan makanan dalam negara, semua pihak perlu bekerjasama untuk memainkan peranan sesuai dengan kapasiti masing-masing. Pihak kerajaan contohnya, perlu membuat dasar dan undang-undang untuk membantu, memudahkan dan mempercepat proses ke arah tersebut. Dasar yang dibuat itu juga sepatutnya tidak hanya baik dan kemas di atas kertas sahaja, tetapi juga dalam pelaksanaannya perlu sampai ke peringkat bawah. Kemudian, kerajaan juga perlu memperkasakan usaha-usaha dalam bidang pertanian yang sedia ada, serta menggalakkan dan membantu pihak masyarakat yang ingin menceburi bidang tersebut. Sedangkan bagi pihak masyarakat, usaha yang dapat dilakukan adalah dengan mengusahakan tanaman sendiri bagi keperluan yang terhad, seperti menanam pokok cili, serai, daun pandan dan lain-lain bagi memulakan usaha bercucuk tanam dalam skala yang kecil.

Pada peringkat pengkaji dan ilmuwan, sayugialah perlu memperbanyakkan kajian teks penting berkenaan keutamaan bercucuk tanam yang telah ditulis oleh ilmuwan terdahulu dan terkemudian, agar masyarakat dapat mengenal perihal keutamaannya dan boleh terus saling membantu menghadapi krisis makanan, serta memastikan keterjaminan bekalan agar dapat mencapai kedaulatan makanan. Bahkan, kegiatan bercucuk tanam dan bertani bukan sahaja dapat menyelesaikan pelbagai isu dalam ekosistem rantaian makanan, tetapi juga merupakan

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

satu kemahiran fardu kifayah yang mulia dalam menjana sumber pendapatan yang terbaik. Selain itu, kegiatan bercucuk tanam dan bertani juga dapat mengukuhkan sikap berdikari daripada bergantung kepada orang lain atau negara lain dalam menjamin keperluan asas masyarakat yang hidup di negara ini.

Rizky Febrian, Sarif Hidayatullah / TAFHIM 16 No. 1 (June 2023): 157-185

## Sumber Rujukan

- Al-‘Asqallānī, Shihāb al-Dīn Ahmad bin ‘Alī Bin Hajar. *Mukhtasar Zawā’id Musnad al-Bazzār ‘alā al-Kutub al-Sittah wa Musnad Ahmad*, ed. Ṣabrī bin ‘Abd al-Khāliq Abū Dharr. Beirut-Lubnan: Mu’assasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1992.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Al-Adab al-Mufrad*, ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1989.
- \_\_\_\_\_. *Sahīh al-Bukhārī*, ed. Kumpulan penyelidik Sultāniyyah. Mesir: al-Maṭba’ah al-Kubrā al-Amīriyah, 1311 H.
- Al-Daylamī, Abū Shujā’ Shirawayh bin Shardār. *Al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khitāb*, ed. Al-Sa‘īd bin Bashūnī Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986.
- Hidayatullah, Sarif dan Rizky Febrian, pent. *Seruan untuk Bercucuk Tanam*. Kuala Lumpur: Rihla Media & Halaqah Muamalah, 2023.
- Al-Hubayshī, Jamāl al-Dīn Muhammad bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Umar, *Al-Barakah fī Fadl al-Sa‘y wa al-Harakah*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2016.
- Ibn al-Athīr, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Muḥammad. *Ja‘mī‘ al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl*, ed. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt. Arab Saudi: Maktabat al-Halwānī, 1969.
- Ibn al-Fākhir, Ma‘mar bin ‘Abd al-Wāhiḍ. *Mujībāt al-Jannah*, ed. Nāṣir bin Ahmad bin al-Najjār al-Dimyātī. Mesir: Maktabat ‘Ibād al-Rahmān, 2002.
- Al-‘Irāqī, ‘Abd al-Rahīm bin Zayn. *Al-Mughnī ‘an Haml al-Asfār fi al-Asfār, fi Takhrīj mā fī al-Iḥyā’ min al-Akhbār*. Beirut: Dār Ibn Hazm, 2005.
- al-Khallāl, Abū Bakr Ahmad bin Muḥammad, *al-Hathth ‘alā al-Tiyārah wa al-Sīnā‘ah wa al-‘Amal*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Aleppo: Maktab al-Maṭbū‘ah al-Islāmiyyah, 1995.
- Muslim bin Hajjāj. *Al-Ja‘mī‘ al-Sahīh (Sahīh Muslim)*, ed. Ahmad bin Rifa‘at Haṣārī, Muhammād Izzat bin ‘Uthmān, dan Abū Ni‘maṭuLLāh Muhammād Shukri. Turki: Dār al-Tibā‘ah al-Amīrah, 1334 H.

*Keutamaan Bercucuk Tanam dan Kedaulatan Makanan*

- Al-Qadā‘ī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Salāmah. *Musnad al-Shihāb*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 1985.
- Al-Radwānī, Muḥammad bin Muḥammad al-Fāsī. *Ja‘m‘ al-Fawā‘id min Jāmi‘ al-Uṣūl wa Majma‘ al-Zawā‘id*, ed. Abū ‘Alī Sulaymān bin Dari‘. Beirut: Dār Ibn Hazm, 1998.
- Al-Samarqandī, Abū al-Layth. *Tanbīh al-Ghāfiṭin bi Ahādīth Sayyid al-Anbiyā’ wa al-Mursalīn*, ed. Yūsuf ‘Alī Badiwī. Damsyik-Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2000.
- Sazali, Amru Khalid dan Rizky Febrian, pent. *Seruan untuk Bekerja*. Kuala Lumpur: Kafilah Buku dan Halaqah Muamalah, 2021.
- Shaharin, Muhamad Hasan dan Rizky Febrian, pent. *Kefakiran dan Zuhud dalam Islam*. Kuala Lumpur: Rihla Media & Halaqah Muamalah, 2023.
- Al-Tha‘labī, Ahmad bin Muḥammad. *Al-Kashf wa al-Bayān (Tafsīr al-Tha‘labī)*, ed. Ibn ‘Ashūr dan al-Sā‘idī. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2002.
- Al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb. *Al-Muṣam al-Awsat*. Jilid 8. Kaherah: Dār al-Haramayn, 1995.
- Al-Thaqafī, Muhamad bin ’Asim. *Kūtāb Juz’ Muhamad bin ’Asim al-Thaqafī*, ed. Mufid Khālid ‘Ayd. Riyadh: Dār al-‘Asimah, 1409H.
- Al-Wāhidī, ’Alī bin Ahmad. *Al-Wasīṭ fī Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd*, ed. ’Adil Ahmad Abd al-Mawjūd dan ’Alī Muhamad Mu‘awwad. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995.

Laporan Jabatan Kerajaan

*Supply and Utilization Accounts Selected Agricultural Commodities, Malaysia 2017–2021*. Dikeluarkan pada 12 September 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Laman Sesawang

Terma Rujukan Kluster Ketersediaan (KTS), <https://www.mafsgov.my/ketersediaan> (capaian pada 16 Mac 2023).